



# SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## KENYATAAN TENDER

1. Tawaran Tender ini dipelawa kepada syarikat yang masih sah pendaftaran (sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh Iklan Tender) dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang yang berkenaan, mempunyai kewangan yang kukuh dan berpengalaman untuk menyertai Tender berikut;

BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN	KOD BIDANG	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK
<b>TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA) BAGI TEMPOH 2 TAHUN</b>  NO. TENDER : <b>SPRM/T/04/2017</b>	<b>i. 040101</b> – <i>(Makanan dan Bahan Mentah Kering/Basah);</i> <b>ii. 040102</b> – <i>Makanan dan Minuman (tin, botol dan bungkus);</i> <b>DAN</b> <b>iii. 040103</b> – <i>Makanan Bermasak (Islam).</i>	TARIKH : <b>05 DISEMBER 2017 (SELASA)</b>  MASA : <b>10.00 PAGI – 10.45 PAGI</b>  TEMPAT : <b>DEWAN MAKAN, Fasa 2, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 KUALA LUMPUR</b>

2. Petender yang ingin menyertai Tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Walaubagaimanapun, memandangkan **Sistem ePerolehan sedia ada adalah dalam proses peralihan kepada Sistem ePerolehan Baharu, Nombor rujukan dan Nombor Telecenter TIDAK DAPAT DIJANA** oleh Sistem e-Perolehan. Justeru, *softcopy* Dokumen Tawaran hanya boleh diperolehi dengan memuat turun dari Laman Web [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my) mulai **29 NOVEMBER 2017 (RABU)**;
3. Petender yang ingin menyertai Tender ini **DIWAJIBKAN menghadiri Taklimat & Lawatan Tapak** Tender yang akan diadakan seperti ketetapan di atas. Kegagalan menghadiri Taklimat & Lawatan Tapak ini akan menyebabkan Tender **tidak akan dipertimbangkan dan terus ditolak**;
4. Petender perlu membawa dan menunjukkan **Sijil Asal Akaun Pendaftaran Kontraktor** dalam Kod Bidang seperti di atas dan **Sijil Akaun Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah tempohnya, dan menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan (tidak akan dikembalikan) kepada Urusetia semasa sesi Taklimat diadakan;
5. Semua Tawaran **Manual (Hardcopy) [Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan serta maklumat tambahan]** yang diarahkan di dalam Dokumen

Tender **HENDAKLAH** dimasukkan di dalam sampul berasingan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri/ bertutup seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada 03 JANUARI 2018 (RABU) jam 12.00 tengah hari** yang bertempat di **Aras 9, Blok A, No. 2, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 W.P. PUTRAJAYA**. Nombor Tender hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat tersebut dengan jelas;

6. **Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan serta maklumat tambahan yang diarahkan** di dalam Dokumen Tender **TIDAK PERLU DIMUATNAIK** ke dalam **Sistem e-Perolehan** kerana Sistem ePerolehan sediaada dalam proses peralihan kepada Sistem ePerolehan Baharu;
7. Tawaran Tender yang dikemukakan **LEWAT** daripada tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan; DAN**
8. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak terikat menerima Tender yang terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Tender. Semua perbelanjaan berkaitan dengan Tender ini adalah di bawah tanggungjawab petender sendiri.

- **TAMAT** -